

Syarat baru gaji pembantu rumah berat sebelah: MEF

MoU seolah-olah menidakkannya hak majikan, tambah keranah birokrasi

oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar

KUALA LUMPUR: Peraturan baru pengambilan pembantu rumah dari Indonesia yang berkuat kuasa serta-merta kelmarin, bersifat berat sebelah dan tidak memihak kepada majikan di Malaysia, sekali gus menambah keranah birokrasi.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan, berkata perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani Malaysia-Indonesia kelmarin seolah-olah menidakkannya hak majikan

di Malaysia apabila wujud beberapa peraturan yang membebankan.

Beliau berkata, antara kandungan peraturan baru itu adalah melarang majikan di Malaysia memotong gaji untuk tempoh satu hingga lima bulan seperti kebiasaan yang dibuat majikan sebelum ini.

"Apabila peraturan baru itu dikuat kuasakan, majikan tidak berhak untuk memotong gaji pekerja dan pembayaran levi yang sepatutnya dijelaskan pekerja kini di bawah tanggungjawab majikan, sekali gus mewujudkan pertambahan kos," kataanya ketika dihubungi *Berita Harian*,

“Pembayaran levi sebenarnya tanggungan pekerja, biasanya majikan dahulukan pembayaran”

Shamsuddin Bardan
Pengarah Eksekutif MEF

di sini, semalam.

Kelmarin, akhbar melaporkan antara MoU yang dipersekutui termasuk kadar gaji maksimum tidak ditetapkan, tetapi majikan dan pekerja perlu bersetuju sebelum kadar gaji diberikan sebelum menandatangani kontrak.

Selain itu, berhubung pemberian cuti pula pembantu rumah tidak diberikan cuti tetap seperti pekerja dalam sektor lain kerana mereka menjadi sebahagian daripada keluarga.

Shamsuddin berkata, pihaknya melihat perjanjian baru itu tidak praktikal apabila majikan menyedia

dan menghantar butiran peribadi bersama sijil berkaitan kepada Keputeraan Indonesia sebelum mendapatkan khidmat pembantu rumah.

"Dokumen ini sebenarnya sudah ada di tangan ejen dan biar mereka yang menguruskan penghantaran dokumen itu kepada kedutaan Indonesia dan tidak perlu kita membuat perkara sama."

"Peraturan ini akan memanjangkan lagi urusan membawa masuk pembantu rumah dari republik berkenaan kerana perlu pertambahan urusan dengan pelbagai pihak," katanya.